

# EGOZITE BABY CREAM

Zinc Oxide/Dimethicone 350/Light Liquid Paraffin (15% w/w/15% w/w/10% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Egozite Baby Cream
2. Bagaimana Egozite Baby Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Egozite Baby Cream
4. Cara menggunakan Egozite Baby Cream
5. Semasa menggunakan Egozite Baby Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Egozite Baby Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Egozite Baby Cream

Krim penghadang yang menenangkan untuk membantu melindungi daripada:

- ruam lampin
- ruam muka bayi
- ruam panas
- gesekan kulit
- ekzema bayi
- kulit sensitif

## Bagaimana Egozite Baby Cream berfungsi

- Egozite Baby Cream ialah krim penghadang yang menenangkan dan membantu melindungi kulit sensitif daripada ruam lampin, kerengsaan dan keradangan.
- Egozite Baby Cream melegakan kulit di samping membantu melindungi daripada ruam lampin.
- Egozite Baby Cream dengan formulasi pelembap melindungi kulit bayi yang sensitif dan halus daripada kebasahan.

## Sebelum menggunakan Egozite Baby Cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Produk ini tidak sesuai digunakan oleh individu yang mempunyai alahan terhadap sebarang bahan-bahan kandungan dalam produk ini.

### - Sebelum mula menggunakan

Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan produk ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Setakat ini tiada laporan masalah jika produk ini digunakan bersama ubat-ubat lain.

## Cara menggunakan Egozite Baby Cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan krim penghadang pada bahagian yang berkenaan.

### - Bila perlu digunakan

Setiap kali lampin ditukar.

### - Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Setakat ini tiada laporan masalah (produk ini adalah untuk kegunaan luar sahaja)

## Semasa menggunakan Egozite Baby Cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan daripada terkena mata. Jika ada sebarang ketidaksesuaian, basuhkan kawasan terjejas dan hentikan penggunaan.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan sabun kerana ia boleh merengsakan.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika tiada kelegaan, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi.

## Kesan-kesan sampingan

Walaupun sekali sekala kes sensitiviti hydroxybenzoate berlaku, tahap pemekaan adalah rendah berbanding dengan tahap penggunaan yang meluas bagi bahan pengawet ini. Alahan kepada mana-mana bahan boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Egozite Baby Cream

### - Cara penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Cara pelupusan

Egozite Baby Cream tidak patut dibuang dengan sisa-sisa buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda untuk cara-cara pelupusan Egozite Baby Cream yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Egozite Baby Cream ialah krim berwarna putih, berkilat dalam tiub 50g.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: zinc oxide, dimethicone 350, light liquid paraffin

# **EGOZITE BABY CREAM**

Zinc Oxide/Dimethicone 350/Light Liquid Paraffin (15% w/w/15% w/w/10% w/w)

---

- Bahan tidak aktif: *ceteareth-25, cetostearyl alcohol, dexpanthenol, glycerol, methyl hydroxybenzoate, propyl hydroxybenzoate, air, xanthan gum.*

- *Nombor MAL:*

MAL19972186X

## **Pengilang**

Ego Pharmaceuticals Pty. Ltd.  
21-31 Malcolm Road,  
Braeside, 3195  
Australia

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Ego Pharm Malaysia Sdn. Bhd.  
1-6 Block A, 72A Jln Universiti,  
46100 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

## **Tarikh Kemaskini RIMUP**

07/09/2017

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)090817/00199